

Sengsara banjir lambat surut

15 keluarga di Olak Lempit dakwa air hujan tak dapat mengalir ke parit

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bharian.com.my

SEPANG: Seramai 15 keluarga di Kampung Olak Lempit, di sini, menempuh sengsara sejak lapan hari lalu apabila rumah dan kampung halaman mereka digenangi air banjir yang tidak surut-surut.

Mereka mendakwa air hujan tidak dapat mengalir ke parit dengan sempurna akibat sistem saliran yang gagal menampung air setiap kali hujan lebat.

Akibat sistem saliran yang sempit dan tidak sempurna, air tidak dapat dialirkan dengan pantas ke Sungai Langat.

Mereka berkata keadaan itu berlarutan sejak bertahun-tahun lalu tanpa ada penyelesaian menyebabkan penduduk kluatir terhadap keselamatan keluarga masing-masing khususnya penyakit berjangkit.

Tinjauan *Sentral* mendapati rumah dan halaman penduduk terabit digenangi air sedalam kira-kira 0.5 meter manakala barangan rumah seperti perabot dan perkakas elektrik serta tanaman mereka rosak.

Warga tua, Mohd Apandi Ishak, 84, berkata kampung itu antara

kawasan yang sering dilanda banjir dan sudah tiga kali ditenggelami air iaitu pada 1971 dan 2008.

Apandi berkata, keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini turut membimbangkan penduduk kerana kluatir air akan naik lebih tinggi dan memenuhi ruang rumah.

Beliau yang juga penduduk asal di kampung itu berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu mengkaji sistem perparitan di kampung itu bagi mengelak limpahan air dan banjir kilat.

Suri rumah, Rubiah Redzuan, 62, berkata sampai bila masalah seperti ini perlu dihadapi penduduk.

Rubiah berkata, penduduk mengalami kerugian kerana ada perabot yang ditenggelami air selain

FAKTA NOMBOR

0.5
meter

Rumah dan halaman penduduk digenangi air



KEADAAN rumah penduduk di Kampung Olak Lempit dilanda banjir kilat sejak lapan hari lalu.

terpaksa membeli makanan setiap hari akibat tidak dapat memasak.

“Pihak berwajib perlu memperbaiki sistem perparitan sedia kerana ia tidak mampu menampung air apabila hujan lebat,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Olak Lempit, Abdul Nasir Jajuli, berkata pihaknya akan cuba membantu penduduk berkenaan.

“Kita akan cuba membantu termasuk membersihkan saliran air di belakang kampung itu yang dijangka mampu mengalirkan air sekali gus menyelesaikan masalah mereka,” katanya.

● SAMADI AHMAD | BERITA HARIAN